

# PELUANG KERJAYA



**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**DIPLOMA  
KUMPULAN  
PELAKSANA**



## PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q29

INSTITUT PENYELIDIKAIR KEBANGSAAN  
MALAYSIA (NAHRIM)  
(KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR)

**Kekosongan : 1**

**Simpanan : 2**

### 1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
  - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek sains.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00);
  - (ii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (Jurusan Sains dan Aliran Teknikal).  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00)
  - (iii) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau
  - (iv) diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,774.37)

## **2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya ini untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)**

- (a) Biokimia dan Biologi;
- (b) Kimia dan Mikrobiologi;
- (c) Kimia Gunaan;
- (d) Kimia;
- (e) Kimia Perindustrian;
- (f) Sains (Kimia dan Biologi);
- (g) Sains (Kimia Industri); atau
- (h) Sains Gunaan.

## **5. Keperluan Tambahan**

Hanya calon yang telah memperoleh STPM/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil/ diploma dalam bidang sains yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

## 6. Maklumat Syarat Lantikan

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**

[https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/  
diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-penyelidik-gred-q29](https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-penyelidik-gred-q29)

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya** permohonan **masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga terdekat dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **11 Ogos 2022 (Khamis), jam 11.59 malam**.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI**



SISTEM PENDAFTARAN PEKERJAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM